

POTENSI Gilap Bakat Pentadbir UniMAP : Dari Perspektif Jaringan Strategik

**Raja Shah Erman Raja Arifin, Norazam Abd Rashid, Nasrul Che Ali, Norharnila Rusli,
Shah Rizan Mohd Rejab, Shahril Mukhriz Sulaiman**

**POTENSI Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Jabatan Pendaftar, Bangunan Canselori Tuanku Sirajuddin, Kampus Alam Pauh Putra
02600 Arau, Perlis**

**Email : rajashah@unimap.edu.my / norazam@unimap.edu.my / nasrulali@unimap.edu.my /
rizan@unimap.edu.my / shah.mukhriz@unimap.edu.my
Tel: +60124213412 / +60194404010 / +60125851681 / +60174306229**

Abstrak

Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UniMAP atau dikenali sebagai POTENSI ditubuhkan pada tahun 2012 dengan mewajibkan keahliannya kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) di awal penubuhannya. POTENSI ketika ini mempunyai keahlian seramai 220 orang yang terdiri daripada pelbagai skim. Ahli POTENSI diberi pendedahan dan peluang untuk berkarya dalam merencanakan bersama agenda POTENSI dalam pelbagai aspek yang tidak hanya terhad kepada hal ehwal kebajikan ahli malah turut fokus kepada kerjaya, peningkatan keilmuan termasuk mewujudkan atau meluaskan jaringan strategik. Sejak penubuhan POTENSI, pelbagai platform disediakan untuk meluaskan jaringan strategik dan apa yang paling menarik POTENSI acapkali berjaya mendapatkan kepercayaan MASTI dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti komuniti yang berimpak tinggi bukan sahaja dalam negara malah di peringkat antarabangsa. Jaringan strategik yang terbina secara tidak langsung bersama-sama rakan pentadbir dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti komuniti ini sering menjadikan pentadbir UniMAP sentiasa disegani dan dirujuk dalam melaksanakan program-program kemasyarakatan sehingga idea menjenamakan program CSR MASTI iaitu Volunteer Corporate and Responsibility (VCORE) telah menjadi jenama kepada MASTI di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam konteks jaringan yang terbina, program-program MASTI yang diketuai oleh POTENSI UniMAP akan membawa jaringan strategik kepada agensi-agensi yang mampu menaikkan imej MASTI seperti lawatan ke Agensi Berita, Program Bersama Agensi termasuk melibatkan beberapa kenamaan yang mengiktiraf POTENSI UniMAP sehingga menjadi rujukan. POTENSI UniMAP percaya, keahlian yang terbuka luas untuk setiap ahlinya mencipta penemuan dan kaedah baharu dalam inovasi juga turut mampu melonjakkan reputasi UniMAP.

Katakunci : *jaringan strategik, program komuniti, pengiktirafan*